



JABATAN LAUT MALAYSIA

MARINE DEPARTMENT MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang

Tel : 03-33467777, Fax : 03-31685289, E-mail : kpgr@marine.gov.my

Webpage : <http://www.marine.gov.my>

MSN 03/2017

Notis kepada pemilik kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan dan industri maritim
Notice to shipowners, ship agents, Masters, seafarers, port operators and the maritime industry

Penguatkuasaan Konvensyen Antarabangsa Kawalan dan Pengurusan Air Ballast dan Sedimen Kapal, 2004 (BWM2004).

Enforcement of International Convention for the Control and Management of Ship's Ballast Water and Sediments, 2004 (BWM2004).

Notis ini memberi maklumat kepada Komuniti Perkapalan berkenaan penguatkuasaan Konvensyen Antarabangsa Kawalan dan Pengurusan Air Ballast dan Sedimen Kapal, 2004 (BWM2004).

Konvensyen di atas akan berkuatkuasa di peringkat antarabangsa pada 8 September 2017. Kesemua kapal-kapal Malaysia dan kapal-kapal asing semasa berada di perairan Malaysia yang berat kasarnya 400GT dan ke atas, direka untuk membawa air ballast hendaklah mematuhi Konvensyen tersebut.

Kapal-kapal yang baru dibina pada atau selepas tarikh penguatkuasaan di atas hendaklah dilengkapi dengan sistem rawatan air ballast (Peraturan D-2). Kapal-kapal sedia ada hendaklah mematuhi Peraturan D-2 semasa pembaharuan sijil International Oil Pollution Prevention (IOPP) selepas tarikh penguatkuasaan.

Semasa tempoh peralihan, iaitu dari 8 September 2017 sehingga pembaharuan sijil IOPP, kapal-kapal sedia ada hendaklah mematuhi standard pertukaran air ballast (Peraturan D-1) Konvensyen berkenaan.

This Notice serves to inform the Shipping Community regarding the enforcement of International Convention for the Control and Management of Ship's Ballast Water and Sediments, 2004 (BWM2004).

The above-mentioned Convention will enter into force internationally on 8 September 2017. All Malaysian ships and foreign-flagged ships while in Malaysian Waters with a gross tonnage of 400GT and above, designed to carry ballast water shall comply with the Convention.

Newly built ships on or after the enforcement date shall be equipped with an approved Ballast Water Treatment System (Regulation D-2) of the Convention. Existing ships shall comply with Regulation D-2 of the Convention during renewal of the International Oil Pollution Prevention Certificate (IOPP) after the enforcement date.

During the transition period, i.e from 8 September 2017 until the next IOPP Certificate renewal, the existing ships shall comply with the ballast water exchange standard (Regulation D-1) of the Convention.

Selepas 8 September 2017, kapal-kapal hendaklah membawa perkara berikut diatas kapal:

- i) Pelan Pengurusan Air Ballast yang diluluskan mengikut peraturan D-1 dan D-2 mengikut kesesuaian
- ii) Buku rekod air ballast
- iii) Sijil kelulusan sistem rawatan air ballast yang berkaitan
- iv) International Ballast Water Management Certificate.

Tertakluk kepada kelulusan, pemilik dan/atau pengurus kapal Malaysia boleh memohon kepada Jabatan Laut Malaysia untuk mengasingkan pemeriksaan pembaharuan IOPP dari Harmonized Survey and Certification Scheme (HSSC) bagi memberi masa tambahan membuat pengubahsuaian sewajarnya. Permohonan ini boleh dibuat sebelum 08 September 2017.

NPM 04/2012 dan NPM 28/2011 adalah dengan ini ditarik balik.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada Unit Akreditasi Kapal, Bahagian Kawalan Industri Maritim, Ibu Pejabat Laut melalui emel kepada accreditation@marine.gov.my

After 8 September 2017, the ships shall have onboard the followings:

- i) Approved Ballast Water Management Plan complying with Regulation D-1 and D-2 accordingly.
- ii) Ballast water record book
- iii) Ballast water treatment system type approval certificate, as applicable.
- iv) International Ballast Water Management Certificate

Subject to approval, ship owners and/or managers of Malaysian ship may apply to Malaysian Marine Department, to decouple the IOPP renewal survey from the Harmonized Survey and Certification Scheme (HSSC) in order to have more time for retrofitting. The application shall be made before 08 September 2017.

MSN 04/2012 and MSN 28/2011 are hereby withdrawn.

Further inquiries can be directed the Ship Accreditation Unit, Maritime Industrial Control Division, Marine Department Headquarters via email to accreditation@marine.gov.my

Ketua Pengarah Laut / Director General of Marine

Tarikh / Date : 28 Februari 2017 / 28 February 2017